



## **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

### **SURAT PEKELILING CIDB BIL. 3/2024**

### **PELAKSANAAN PENILAIAN SCORE-CIDB OLEH KONTRAKTOR**

### **G2 SEHINGGA G7**

---

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling ini disediakan untuk memaklumkan kepada kontraktor-kontraktor G2 sehingga G7 yang dikehendaki berdaftar dibawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia ( Akta 520) mengenai kewajipan melaksanakan Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE-CIDB) bagi tujuan pendaftaran semula (pembaharuan) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK).

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Program SCORE-CIDB merupakan satu program penilaian khusus yang dibangunkan oleh CIDB untuk menilai keupayaan dan kemampuan kontraktor. Program ini akan menjadi penanda aras untuk mempertingkatkan imej industri pembinaan negara dan dilaksanakan dengan menganalisa tujuh (7) parameter yang ditetapkan sepertimana berikut:

- i. Prestasi Perniagaan
- ii. Keupayaan Kewangan
- iii. Keupayaan Teknikal
- iv. Pengurusan Projek
- v. Pengurusan Perolehan
- vi. Amalan Terbaik
- vii. Keupayaan Pengurusan

2.2 Program SCORE-CIDB telah diwajibkan kepada Kontraktor-kontraktor G7 dan kini adalah diperluaskan kepada Kontraktor G2 sehingga Kontraktor G6.

### **3.0 OBJEKTIF PENILAIAN**

3.1 Objektif Penilaian SCORE-CIDB adalah untuk :-

- a. memberi pengiktirafan kepada kontraktor yang mempunyai keupayaan dan kemampuan dalam aspek Prestasi Perniagaan, Keupayaan Kewangan, Keupayaan Teknikal, Pengurusan Projek, Pengurusan Perolehan, Amalan Terbaik dan Keupayaan Pengurusan.
- b. mengenalpasti jurang prestasi dan seterusnya membantu kontraktor meningkatkan keupayaan dan kemampuan mereka.
- c. membangunkan profil industri bagi mengenal pasti tahap keupayaan kontraktor tempatan dan mengukur perbandingan antara kontraktor tempatan dan kontraktor ekuiti asing.
- d. membantu pihak klien dalam pemilihan kontraktor yang berkaliber dan berkeupayaan tinggi.

### **4.0 TATACARA PELAKSANAAN**

Kontraktor G2 sehingga G7 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dikehendaki untuk membuat penilaian SCORE-CIDB sebelum membuat pendaftaran semula (pembaharuan) PPK. Garis panduan berkenaan dengan tatacara pelaksanaan program SCORE-CIDB boleh dimuat turun di laman sesawang CIDB, di [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my).

### **5.0 SEMAKAN PEMATUHAN KONTRAKTOR (CCA)**

CIDB pada bila-bila masa boleh melakukan Semakan Pematuhan Kontraktor (CCA) terhadap kontraktor yang telah membuat penilaian SCORE-CIDB. CIDB juga berhak membatalkan sijil SCORE-CIDB kepada mana-mana kontraktor yang tidak mematuhi atau gagal semasa sesi CCA dijalankan.

### **6.0 KOS PENILAIAN**

Fi pemprosesan bagi penilaian SCORE-CIDB ini adalah sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM 50.00) sahaja.

## **7.0 IMPLIKASI KETIDAKPATUHAN**

Kontraktor tidak layak untuk membuat pendaftaran semula (pembaharuan) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) tanpa sijil SCORE-CIDB.

## **8.0 TARIKH PELAKSANAAN**

Kewajipan melaksanakan Penilaian SCORE-CIDB oleh Kontraktor G2 sehingga G7 sebelum memperbaharui PPK adalah bermula 01 Julai 2024.

## **9.0 PEMBATALAN**

Surat Pekeliling CIDB BIL.1/2020 adalah dibatalkan.

## **10.0 PERTANYAAN**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 03-5567 3300 atau <https://www.cidb.gov.my/e-bantuan>

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BINA SEMPURNA”**



**(DATO' Sr. MOHD ZAID ZAKARIA D.P.S.K)**

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)